



KEKOSONGAN JAWATAN:

KETUA BAHAGIAN SUMBER DAYA INSANI

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

YaPEIM adalah sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976 dan diperbadankan di bawah Trustees (Incorporation) Act 1952. Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh YAB Perdana Menteri pada masa itu.

Kami ingin mempelawa warga Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan berdasarkan penditilan di bawah:

MAKLUMAT JAWATAN

Perjawatan	:	Ketua Bahagian Sumber Daya Insani
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Profesional (PP)
Jawatan/ Gred	:	Pengurus Kanan (PP3)
Gaji	:	Min RM8,200.00 hingga Max RM12,700.00
Status Perkhidmatan	:	KONTRAK

DESKRIPSI TUGAS

1. Bertanggungjawab atas perancangan, pelaksanaan operasi dan pemantauan penyampaian perkhidmatan sumber manusia, pengurusan operasi dan pembangunan sumber daya insani bagi YaPEIM dan Kumpulan.
2. Melaksanakan perancangan dan pelaksanaan sumber meliputi perancangan sumber, rekabentuk organisasi, rekabentuk kerja, pengambilan dan penempatan staf YaPEIM dan Kumpulan mengikut kesesuaian dan keperluan.
3. Bertanggungjawab atas pengurusan operasi yang meliputi pemprosesan penggajian YaPEIM dan Kumpulan.
4. Bertanggungjawab atas pengurusan sistem maklumat sumber manusia, pentadbiran penilaian prestasi staf dan mengemaskini petunjuk-petunjuk prestasi utama sumber manusia YaPEIM dan Kumpulan.
5. Memastikan pengisian dan/atau pengemaskinian kemajuan KPI dan sasaran YaPEIM dan Kumpulan secara berkala (setengah tahunan) dan konsisten berdasarkan kriteria dan menggunakan format sistem pengurusan prestasi yang ditetapkan.
6. Bertanggungjawab atas urusan kebajikan staf YaPEIM dan Kumpulan.
7. Bertanggungjawab atas pengurusan salah laku staf YaPEIM dan Kumpulan.
8. Melaksanakan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pembangunan sumber daya insani yang meliputi latihan dan pembangunan, bimbingan dan mentor, penilaian kompetensi, pengurusan pengetahuan dan latihan atas talian (e-learning) YaPEIM dan Kumpulan.
9. Bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan belanjawan bagi sumber manusia diurus dan ditabdir secara berkesan.
10. Bertanggungjawab untuk menyemak, mengkaji, mengemaskini dan mencadang penambahbaikan polisi, garis panduan dan SOP yang berkaitan dengan sumber manusia dan pelaksanaan polisi, garis panduan dan SOP tersebut termasuk sesi bengkel, taklimat, 'town hall' dan perbincangan.

11. Membangunkan petunjuk-petunjuk prestasi utama (key performance indicators) dengan Bahagian Perancangan dan Penyelerasan dan menyediakan strategi pelaksanaan untuk mencapai KPI.
12. Berperanan sebagai wakil YaPEIM dan Kumpulan berkenaan urusan sumber daya insani dengan pihak luar.
13. Membuat analisa atas kedudukan sumber daya insani dan pelaporan berkala YaPEIM dan Kumpulan kepada Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah YaPEIM, Jawatankuasa Khusus dan Lembaga Pemegang Amanah (LPA)/ Lembaga Pengarah (LP)/ Ahli Lembaga Koperasi (ALK).

SYARAT KELAYAKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:
 - (a) Terbuka kepada semua warga Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan;
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Mempunyai Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia atau Pembangunan Sumber Manusia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Mempunyai Doktor Falsafah adalah satu kelebihan; dan
 - (d) Lulus Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

KELEBIHAN UTAMA

1. Berpengalaman sekurang-kurangnya 12 tahun dalam pengurusan sumber manusia/ pengurusan pembangunan organisasi.
2. Berfikiran strategik dalam pengurusan sumber manusia, penganalisis maklumat dan data dan menyediakan alternatif kepada penyelesaian isu-isu berkaitan sumber manusia.
3. Berkemahiran dalam mengurus emosi, psikologi, kebajikan dan pembangunan sumber manusia.
4. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dan penulisan dengan baik sama ada dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.
5. Berpengetahuan luas dalam undang-undang melibatkan tanggungjawab majikan.

CARA MEMOHON:

1. Pemohon yang berminat perlu mengemukakan resume/ *Curricular Vitae* (CV) yang lengkap (beserta gambar passport dan salinan sijil-sijil berkaitan) dengan menyatakan sekurang-kurangnya dua (02) rujukan. Resume yang lengkap hendaklah dihantar melalui emel ke psy@yapeim.my dan ditujukan kepada Bahagian Sumber Daya Insani YaPEIM.
2. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 Mei 2023 (Isnin)**